



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ; JALAN MENUJU HATI YANG TENANG



ISLAMIC SAVOUR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“JALAN MENUJU HATI YANG TENANG”.1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ. إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ.¹	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk “JALAN MENUJU HATI YANG SEJAHTERA”.	6

¹ Al-Syu'ara': 88-89.



Apabila kita membicarakan tentang kejayaan dan kebahagiaan, kebanyakan daripada kita akan segera membayangkan kemewahan harta, kedudukan pangkat dan ramainya zuriat keturunan. Namun sebenarnya, perkara yang mampu memberi kejayaan dan kebahagiaan yang hakiki adalah memiliki hati yang tenang dan sejahtera.	7
Firman Allah SWT dalam Surah al-Syu'ara' ayat 88 hingga 89 yang dibacakan pada permulaan khutbah tadi bermaksud: <i>"(Iaitu) pada hari (ketika) harta dan anak pinak tidak dapat memberikan pertolongan sedikit pun. Kecuali orang yang menghadap Allah dengan hati yang sejahtera (daripada syirik dan penyakit munafik)."</i>	8
Imam al-Baidhawi dalam tafsirnya menjelaskan bahawa pada hari kiamat nanti, kemewahan harta dan ramainya zuriat tidak akan menjamin keselamatan daripada azab Allah SWT, melainkan bagi mereka yang hatinya sejahtera daripada kekufuran dan kecenderungan maksiat.	9
Ketika itu, bukan banyaknya harta yang ditanya, bukan pula ramainya zuriat yang dibangga-banggakan, tetapi satu perkara sahaja yang menjadi neraca iaitu hati yang sejahtera ketika menghadap Allah SWT. Maka sangat wajar untuk kita bertanya kepada diri sendiri, adakah hati kita ini benar-benar berada dalam keadaan sejahtera?	10



Persoalan ini bukanlah persoalan kecil, kerana kerosakan yang melanda masyarakat hari ini seperti retaknya hubungan kekeluargaan, putusnya silaturahmi dan rapuhnya perpaduan ummah, sebenarnya berpunca daripada satu perkara yang sama. Itulah penyakit hati, khususnya sifat hasad dengki dan dendam. Apabila hati sudah dijangkiti penyakit ini, mudah sahaja seseorang menjatuhkan saudaranya sendiri, membongkar aib yang sepatutnya ditutup, mengungkit kesilapan lampau yang sepatutnya dilupakan, sehingga menyimpan dendam permusuhan yang tidak berkesudahan.	11
Rasulullah SAW telah mengingatkan kita bahawa hati merupakan penentu kepada baik atau buruknya kehidupan seseorang. Hadis yang diriwayatkan daripada al-Nu'man bin Basyir <i>Radiallahuanhuma</i>, Baginda SAW bersabda: أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ	12
<i>"Ketahuilah bahawa dalam tubuh manusia terdapat seketul daging. Apabila ia baik, maka baiklah seluruh tubuhnya. Apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh tubuhnya. Ketahuilah, itulah hati."</i> (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).	13



Hadis ini mengajar satu hakikat yang mendalam, bahawa segala tingkah laku manusia baik atau buruk, taat atau maksiat, sebenarnya bermula daripada hati. Apabila hati dipenuhi keimanan, kecintaan dan ketaqwaan kepada Allah SWT, seluruh anggota tubuh akan patuh, tunduk, dan terdorong kepada ketaatan. Namun sebaliknya, sekiranya hati telah dikuasai hawa nafsu, hasad dengki dan dendam, seluruh anggota tubuh turut menjadi hamba kepada maksiat dan permusuhan.	14
Tambahan pula pada zaman kini yang tidak terlepas daripada penggunaan media sosial, segala perasaan hasad dan tidak senang hati diluahkan tanpa berfikir panjang dan ditularkan tanpa usul periksa. Kata-kata kesat dilemparkan di ruang-ruang komen seolah tidak akan dihitung dan dipertanggungjawab kelak. Berhati-hatilah dengan media sosial, kerana walaupun ia banyak membantu memudahkan urusan kita, ia juga boleh menjadi beban dosa kepada kita jika disalahguna	15
Islam mengajar bahawa hati yang bersih tidak lahir dengan sendirinya, sebaliknya menuntut proses penyucian jiwa atau <i>tazkiyatun nafs</i>, iaitu usaha membersihkan jiwa daripada sifat tercela seperti hasad dengki, riak, takabbur dan dendam, lalu menghiasinya dengan sifat mulia seperti syukur, sabar, tawaduk dan kasih sayang, melalui mujahadah melawan hawa nafsu serta memperbanyak ibadah dan amal soleh.	16
Penyucian jiwa inilah antara tujuan utama pengutusan Rasulullah SAW. Baginda SAW membimbing para sahabat bukan sekadar menjadi generasi berilmu, bahkan berakhlak mulia dan diredhai Allah SWT. Sesuai dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Jumu'ah ayat 2: هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ	17



<i>"Dialah yang mengutuskan dalam kalangan orang (Arab) yang buta huruf seorang Rasul (Muhammad) daripada bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-Nya, menyucikan (jiwa) mereka (daripada iktikad yang sesat) dan mengajar mereka kitab (al-Quran) dan hikmah. Sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Muhammad) berada dalam kesesatan yang nyata."</i>	18
Antara jalan terbaik menyucikan jiwa dan mengubati penyakit hati adalah dengan membanyakkan syukur, redha dengan segala ketentuan Allah SWT, memaafkan kesalahan sesama insan, serta melazimi zikir dan istighfar. Amalan-amalan wirid, hizib atau himpunan zikir sama ada yang ma'thur atau yang telah disusun oleh para ulama adalah sangat sesuai untuk diamalkan bagi memudahkan orang awam mengamalkannya secara konsisten.	19
Pada kesempatan ini, Khatib menyeru kepada semua pihak yang menguruskan masjid dan surau, agar melengkapkan siri kuliah di tempat masing-masing dengan disiplin ilmu yang seimbang kepada masyarakat, merangkumi ilmu Akidah, Syariah dan Tasawuf. Jemputlah guru-guru bertauliah yang diyakini keilmuan dan akhlaknya, bagi mengisi kuliah dengan pengajian yang dapat membimbing masyarakat. Khatib juga menjemput sidang Jumaat sekalian untuk bersama-sama memenuhi majlis-majlis ilmu.	20
Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan: 1. Umat Islam hendaklah sentiasa menyucikan hati daripada akhlak tercela seperti hasad dan dendam, seterusnya menghiasi hati dengan akhlak yang mulia, serta sentiasa bersangka baik dengan segala ketentuan Allah SWT.	21



2. Umat Islam hendaklah sentiasa bermuhasabah dan bersungguh-sungguh memperbanyak ibadah serta amalan soleh sebagai jalan membentuk hati yang sejahtera.

3. Umat Islam hendaklah mengimarahkan masjid dan surau dengan menghadiri majlis ilmu agar dapat melahirkan individu yang berilmu, membentuk jiwa yang sejahtera, seterusnya melahirkan masyarakat harmoni yang berakhlak mulia.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا. وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا .

22

"Sesungguhnya telah berjaya orang yang menyucikan jiwanya (dengan iman dan amalan soleh). Dan sesungguhnya telah rugi orang yang mengotorinya (dengan sebab maksiat)."

(Surah al-Syams: 9-10).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ اَنْزَلَ الشَّرِيْعَةَ هٰدِيًّۙ لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ.
2	. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.
3	اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ اَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.
4	اِنَّ اللّٰهَ وَمَلٰٓئِكَتُهٗ يُصَلُّوْنَ عَلٰى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَیْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا. ²
5	اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ اٰجْمَعِيْنَ.
6	اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمٰتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنٰتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.
7	اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاجْعَلْ هٰذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّظْمًئًا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

² Al-Ahzab: 56.



8	اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
10	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
11	وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْثُ كُوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
12	اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
13	Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuamhum</i> , seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali..



Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	14
Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	15
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.³	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁴	18
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	19